

**PENGAPLIKASIAN VIDEO YOUTUBE : BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM)
DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN
SAINS SOSIAL**

Tan Choon Keong
Carol Binti Abu
Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan pengaplikasian video YouTube sebagai BBM dalam menarik minat dan membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah kebangsaan menengah sekitar daerah Penampang, Sabah. Responden kajian terdiri daripada 60 orang pelajar Tingkatan Empat dari dua buah kelas berprestasi rendah yang dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Reka bentuk kajian adalah kuasi – eksperimen yang menggunakan pendekatan kuantitatif dalam proses pengumpulan data dan penganalisan data kajian. Instrumen yang telah digunakan di dalam kajian ini adalah satu set soal selidik dan dua set ujian pencapaian iaitu set praujian dan set pascajian. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengukur tahap minat responden terhadap penggunaan video YouTube. Hasil dapatan kajian menunjukkan peningkatan markah pascajian yang lebih ketara dalam kumpulan rawatan dengan nilai min 8.59 (SP=10.26), berbanding kumpulan kawalan dengan nilai min 2.81 (SP=13.91). Ini menunjukkan bahawa penggunaan video YouTube sangat berkesan dan dapat membantu meningkatkan kefahaman responden bagi kumpulan rawatan. Penyelidik berharap dapatan ini dapat memberi sumbangan kepada pelaksanaan P & P menggunakan video dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Pendahuluan

YouTube merupakan salah satu rangkaian sosial yang sangat popular dalam kalangan masyarakat global. Laman sosial YouTube ini telah diasaskan oleh Chad Hurley, Steven Chen dan Jawed Karim (Burgess & Green, 2009). Kini, laman sosial YouTube bukan lagi sekadar digunakan untuk berkongsi video – video peribadi, komersial dan sebagainya, malah laman sosial YouTube juga telah digunakan sebagai salah satu medium pembelajaran. Buktinya, pada tahun 2009 dan 2010 laman sosial YouTube telah terpilih sebagai laman perkongsian video yang mendapat undian terbanyak dalam *'The Emerging List of Top 100 Tools for Learning'* (Yuen, 2009). Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji sejauhmana kebenaran bahawa laman sosial YouTube boleh membantu dalam proses pembelajaran seseorang individu. Pengkaji akan memfokuskan kepada pengaplikasian video YouTube sebagai BBM bagi mata pelajaran Sejarah.

Dua persoalan kajian yang dikaji dalam kajian ini, iaitu:

- i. Adakah penggunaan video YouTube dapat menarik minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Sejarah?
- ii. Adakah penggunaan video YouTube dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam pembelajaran Sejarah?

Kajian Literatur

Dalam kajian ini, BBM seperti video merupakan satu bentuk rangsangan yang akan digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini disusuli pula dengan penggunaan kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan mengambil kira gaya pembelajaran para pelajar yang berbeza. Hal ini demikian, gaya pembelajaran mempengaruhi strategi penyampaian dan reka bentuk bahan pengajaran. Dalam konteks ini, rangsangan yang berkesan mampu menimbulkan minat pelajar untuk mempelajari Sains Sosial contohnya, Sejarah, iaitu menerusi penglibatan pelajar dan tumpuan yang diberikan oleh pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Penggunaan BBM yang berbentuk multimedia seperti video youtube sahaja kurang berkesan dalam mencapai objektif pengajaran jika guru tidak melaksanakan peranan seperti pemudah cara, pembimbing dan sebagainya dengan berkesan dan bersesuaian dengan perkembangan kognitif pelajar. Konstruktivisme memberi penekanan kepada pelajar supaya aktif mengaitkan pengetahuan baru yang diperoleh dengan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada dalam minda mereka dan mengaplikasikan pengetahuan dan apa yang difahami kepada pelbagai situasi (Shahabuddin & Dr. Rohizani, 2003).

Apakah itu YouTube?

YouTube ialah laman web perkongsian video yang popular dan yang membenarkan penggunaanya memuat naik, menonton dan berkongsi klip video (Wikipedia, 18 Ogos 2012). Berdasarkan rekod YouTube pada tahun 2006 sahaja sebanyak 65,000 video dimuat naik dan 100 juta video ditonton setiap hari di YouTube (USA Today, 2006) dan pada 17 May 2010, bilangan video yang ditonton meningkat sehingga mencecah 2 bilion setiap hari (Lewin, 2010). Ini jelas menunjukkan bahawa laman web YouTube sangat popular dalam kalangan masyarakat global.

YouTube merangkumi animasi, video klip, TV klip, musik video, iklan dan sebagainya yang dimuat naik oleh individu – individu yang telah mendaftar keahlian (Clifton & Mann, 2010) yang berumur 18 tahun ke atas. Selain itu, YouTube membolehkan pengguna untuk menyiarkan dan memberikan tag kepada video, menonton video yang disiarkan oleh individu lain dan memberi komen. Keunikan yang ada pada laman web YouTube ini adalah membolehkan orang ramai dapat menonton dan memuat turun video – video yang terdapat dalam YouTube secara percuma (Komal et. al, 2012) .

Menurut Mohamed Amin Embi (2011), YouTube juga boleh dihubungkan dengan aplikasi rangkaian laman web lain seperti blogs, wiki dan sebagainya. Ini memberi pengguna satu cara pantas untuk membuat blog misalnya, mengenai sesuatu video dengan menyertakan sahaja pautan kepadanya. Tambahnya lagi, pengguna boleh membaca profil individu yang menyiarkan atau memberi komen kepada sesuatu video, menonton video kegemaran mereka dan menghubungi individu tersebut.

Chad Hurley, Steve Chen dan Jawed Karim merupakan pengasas kepada laman web YouTube pada tahun 2005. Ketiga – tiga individu ini merupakan bekas pekerja di talian dagang laman PayPal (Wikipedia, 18 Ogos 2012).

Menurut Burgess & Green (2009), idea awal terciptanya laman web YouTube berlaku apabila mereka ingin berkongsi video pesta makan malam yang mereka hasilkan dengan menghantar melalui email. Tetapi gagal kerana lampiran video tersebut mempunyai memori yang terlalu besar dan tidak dapat dimasukkan ke dalam email. Oleh itu, mereka membuat keputusan untuk mencipta satu laman web video sederhana yang membolehkan video tersebut dimuat naik di internet dan ditonton oleh orang ramai.

Tambahnya lagi, laman web YouTube mendapat sambutan yang menggalakkan dan menjadi salah satu laman perkongsian web yang popular di internet. Pada bulan Oktober 2006, Google Inc. telah membeli laman web YouTube sebanyak \$ 1.65 billion (Komal et. al, 2012). Pada bulan November 2007, YouTube menjadi laman web hiburan paling popular di Britain, diikuti dengan laman web BBC. Awal tahun 2008 pula, berdasarkan pelbagai perkhidmatan web metriks, laman web YouTube konsisten berada di tempat sepuluh teratas yang sering dilawati di peringkat global.

Secara umumnya, terdapat banyak jenis video yang boleh didapati dalam laman sosial YouTube seperti filem, TV, klip – klip video dan sebagainya yang dimuat turun oleh pengguna YouTube itu sendiri. Kategori video yang terdapat dalam YouTube juga adalah pelbagai iaitu sama ada berbentuk hiburan semata – mata seperti muzik atau lagu, animasi kartun dan filem serta yang berbentuk ilmiah seperti perubatan, perniagaan dan pendidikan.

Sebagai contoh, video kategori muzik atau lagu mengandungi pelbagai jenis muzik seperti pop rock, balada dan sebagainya. Manakala, video kategori filem pula adalah seperti yang berkisarkan tentang persahabatan, percintaan, komedi dan sebagainya. Terdapat juga filem yang dimuat turun memberikan pengajaran dan keinsafan kepada penonton seperti kejadian tsunami, banjir kilat, tanah runtuh dan sebagainya. Video kategori pendidikan pula adalah seperti cara belajar mengaji, mengira, membaca dan sebagainya.

Menurut Mohamad Amin Embi (2010), video boleh menjadi satu alat pendidikan dan motivasi yang amat berpengaruh. Namun, sebahagian besar kekuatannya bukan terletak pada video itu sendiri tetapi pada cara video itu digunakan. Video itu sendiri bukanlah satu sasaran atau kesudahan tetapi merupakan satu cara ke arah mencapai objektif dan matlamat pembelajaran. Video pendidikan yang efektif bukanlah pengajaran yang berbentuk televisyen kepada pelajar tetapi pengajaran guru kepada pelajar dengan video sebagai satu alat untuk penzahiran (Duff, 2008).

YouTube semakin banyak digunakan oleh pendidik sebagai satu sumber pedagogi untuk segala perkara, daripada acara menarik yang bernilai berita di serata dunia hinggalah kepada secebis kisah kehidupan. Penggunaanya merangkumi video pendidikan hinggalah kepada ruang dalam talian dan perkongsian kandungan yang dikarang oleh pelajar. Berikut merupakan beberapa panduan umum yang telah diketengahkan oleh Clark & Mayer (2002) dalam mempertimbangkan penggunaan sebarang media yang sesuai:

- i. Selaras dengan hasil pembelajaran atau prestasi yang dikehendaki
- ii. Mengurangkan beban kognitif
- iii. Mengandungi teks atau grafik yang bermakna
- iv. Sesuai dengan tahap kecelikan pembelajaran pelajar
- v. Pendidik dan pelajar akan mendapati bahawa video ialah satu mangkin dan pemudah cara kepada perbincangan dan analisis dalam kelas

Strategi Penggunaan Video YouTube Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan video YouTube sebagai BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran, beberapa panduan telah digariskan oleh Mohamed Amin Embin (2011) untuk menggalakkan tontonan secara aktif dalam kalangan pelajar dan memaksimumkan pembelajaran, seperti yang berikut (Jadual 1):

Jadual 1 : Panduan penggunaan video

Bil.	Perkara	Huraian
1.	SEGMENT	Benarkan pelajar anda menonton video dalam beberapa segmen pendek.
2.	NOTA	Video amat sesuai untuk membina kemahiran pencatatan nota. Ambil nota semasa tontonan pertama, kemudian putar semula dan ulang tayang untuk membuat semakan nota. Ini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan sebagai satu perbincangan kelas / sesi sumbangsaran.
3.	JEDA	Gunakan butan jeda (pause) untuk menghentikan video anda seketika agar pelajar boleh meramal perkara yang akan berlaku atau mengingat semula perkara yang telah berlaku.
4.	TANPA SUARA	Bagi babak video yang menekankan visual, padamkan suara dan ceritakan. Teknik ini sangat sesuai untuk penyenaarian langkah – langkah sesuatu proses.
5.	TANPA GAMBAR	Gunakan petunjuk audio untuk menerangkan gambar yang ditayangkan. Bandingkan ramalan dengan video sebenar.
6.	PRATONTON	Setiap video dengan teliti untuk menentukan kesesuaiannya dengan objektif pelajaran dan hasil pembelajaran pelajar.
7.	GABUNGAN	Video dengan keseluruhan pengalaman pembelajaran secara menambahkan komponen eksperimen pelajaran. Aktiviti boleh dilakukan sebelum menonton; untuk mengatur pentas, membuat semakan, menyediakan maklumat latar belakang; mengenal pasti perbendaharaan kata baharu, atau memperkenalkan topik. Aktiviti boleh dilakukan selepas menonton untuk memperkukuh, mengaplikasikan atau memperluas maklumat yang disampaikan oleh program. Selalunya, video boleh digunakan sebagai satu pengenalan atau pendorong kepada aktiviti amali yang bakal dilakukan.

Keberkesanan Penggunaan Video Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Keberkesanan penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah terbukti berdasarkan beberapa kajian lepas yang telah pengkaji perolehi sama ada dalam negara mahupun luar negara. Beberapa pengkaji telah menyatakan bahawa penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran berkesan kerana

mampu menarik tumpuan pelajar dalam pembelajaran dan merangsang pemikiran pelajar untuk berfikir secara kritikal. Berdasarkan hasil kajian David Reiss (2007) dalam *"Video – based Multimedia Design,"* beliau menyatakan bahawa pembinaan bahan media pengajaran mampu mengawal tumpuan dan perhatian pembelajaran pelajar. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan penggunaan fungsi main semula atau *playback function* bagi video dan audio yang mampu merangsang bahagian emosi otak. Akibatnya, pengguna menjadi lebih sensitif dan terlibat dalam media yang digunakan walaupun tidak secara logikal.

Justeru itu, Mohamad Johdi dan Ariegusrini (2009) dalam kajian mereka iaitu *"Transformasi Pengajaran Sejarah Berasaskan Multimedia,"* berpendapat bahawa penggunaan video dalam mata pelajaran Sejarah mampu membantu guru dalam meningkatkan mutu pengajarannya di samping dapat menjadikan pengajaran lebih menarik. Video boleh menimbulkan minat dan seterusnya menggerakkan keinginan pelajar untuk memahami Sejarah dengan lebih terperinci. Selain itu, video juga dapat menghilangkan rasa bosan pelajar untuk mempelajari Sejarah yang dahulunya hanya menggunakan buku teks.

Sehubungan itu, terdapat juga kajian yang dijalankan dengan menggunakan video yang dibangunkan sendiri. Mohamed Hakke dan Emi Satira Azrin (2004) telah membuat satu kajian untuk meninjau pembangunan persembahan elektronik berasaskan klip video dalam aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil dapatan kajian yang diperolehi mendapati responden bersetuju dengan pembangunan media ini kerana pelajar – pelajar dapat menerima penggunaan teknologi media sebagai ABM serta penggunaan klip video di dalam sesuatu persembahan elektronik.

Noraziela dan Nor Azira (2010) dalam kajian mereka telah menguji tentang keberkesanan penggunaan Video dalam proses pengajaran dan pembelajaran bertajuk *"Proses Rawatan Air."* Video ini telah dihasilkan bagi membantu pensyarah untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan sebanyak 60.5% pelajar bersetuju bahawa penggunaan Video dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini menambah minat dan motivasi pelajar, manakala 64% pelajar bersetuju bahan multimedia ini membantu mereka memahami sesuatu topik dengan lebih mendalam kerana semua isi penting terkandung di dalamnya. Purata peratus mengatakan bahawa bahan multimedia ini sesuai digunakan sebagai BBM yang berkesan pada masa akan datang adalah 57%, manakala peratus pelajar yang menyatakan video memberi impak adalah 65.1%.

Komal dan rakan – rakannya (2012) dalam kajian *'YouTube and the expanding role of videos in Dermatologic Surgery Education,'* menyatakan bahawa salah satu peranan YouTube adalah sebagai medium pendidikan baru dan kesedaran dalam bidang perubatan. Penggunaan video dalam bentuk visual membolehkan doktor dan pelajar lebih memahami suatu prosedur pembedahan dengan jelas dan mudah berbanding hanya berpandukan pembacaan buku – buku ilmiah. Namun demikian, banyak bahan yang dimuat turun tidak disertai dengan bukti – bukti kesahihan sumber tersebut. Dalam kajian *"YouTube as a source of information on cardiopulmonary resuscitation"* yang dibuat oleh Karthik dan rakan – rakannya (2010), mereka mendapati bahawa kebanyakan video yang menunjukkan cara – cara untuk melakukan CPR adalah kurang tepat dan hanya segelintir sahaja yang menunjukkan cara – cara yang tepat.

Jelasnya, banyak maklumat yang boleh diperolehi melalui laman sosial YouTube. Namun demikian, pengguna harus bijak mencari dan memilih maklumat yang benar – benar tepat maklumatnya. Perkara ini penting agar pengguna tidak memperoleh maklumat yang salah dalam sesuatu perkara. Sebaik – baiknya pengguna perlu menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan sesuatu maklumat seperti membaca buku, jurnal dan sebagainya sebelum mempercayai bulat – bulat maklumat yang dimuat turun dalam laman sosial YouTube. Langkah yang selamat adalah melihat sama ada video tersebut ada memaparkan sumber mana diperolehi ataupun mendapat pengiktirafan daripada pihak-pihak tertentu.

Berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas tersebut, tenaga pengajar disarankan supaya mengintegrasikan pengetahuan sedia ada dengan ICT bagi mewujudkan satu pembelajaran yang berkesan dan bermakna dalam kalangan pelajar. Hal ini demikian, penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran sangat berkesan dalam meninggalkan pengajaran yang mendalam dalam diri pelajar. Ini sudah terbukti berdasarkan penemuan pengkaji dalam beberapa kajian lepas. Video ini boleh dibangunkan sendiri ataupun dimuat turun daripada laman sosial YouTube. YouTube mengandungi pelbagai jenis video sama ada yang berunsur hiburan semata-mata mahupun berunsur ilmiah. Oleh itu, guru haruslah bijak dalam mencari, memilih dan memuat turun BBM yang bersesuaian dalam sesuatu topik pengajaran.

Metodologi Kajian dan Penguji

Dalam kajian ini, pengkaji ingin menentukan sama ada pengaplikasian video YouTube dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah dapat menarik minat dan membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam pembelajaran Sejarah ataupun tidak. Oleh itu, dapat diketahui bahawa pembolehubah tak bersandar merujuk kepada penggunaan video YouTube dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah, manakala pembolehubah bersandar merujuk kepada perubahan tahap minat dan tahap kefahaman pelajar selepas mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran yang berbantuan video YouTube.

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk Kuasi – Eksperimen bagi mendapatkan maklumat tentang kesan penggunaan video YouTube ke atas tahap minat dan tahap kefahaman pelajar (Mohd. Majid Konting, 2005) dalam pembelajaran Sejarah. Kajian ini hanya akan dilakukan ke atas dua buah kelas Tingkatan 4 di sebuah sekolah kebangsaan menengah di daerah Penampang, Sabah.

Dalam reka bentuk kajian ini, pengkaji akan melakukan eksperimen ke atas kedua – dua kelas tersebut dengan menjalankan kajian dalam subtopik pengajaran Sejarah yang bertajuk “Hijrah.” Sesi pengajaran dan pembelajaran akan dilakukan sebanyak 2 kali di setiap kelas kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dalam erti kata lain, sebanyak 4 kali sesi pengajaran dan pembelajaran dalam subtopik pengajaran “Hijrah” akan dilakukan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Pada sesi pengajaran dan pembelajaran yang pertama, kedua – dua kumpulan akan diajar menggunakan kaedah tradisional ‘chalk and talk’ berbantuan buku teks. Tahap kefahaman para pelajar dalam kedua – dua kumpulan akan diukur menggunakan set praujian. Dua minggu kemudian, pada sesi pengajaran dan pembelajaran yang kedua pula, kaedah tradisional ‘chalk and talk’ akan digunakan ke atas kumpulan kawalan, manakala kaedah pengajaran berbantuan video YouTube

akan digunakan ke atas kumpulan rawatan. Tahap kefahaman kedua – dua kumpulan tersebut kemudiannya akan diukur menggunakan set pascaujian.

Markah praujian dan pascaujian akan dibandingkan untuk melihat sama ada berlaku peningkatan dari segi pencapaian responden dan seterusnya menentukan sama ada penggunaan video YouTube dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam pembelajaran Sejarah ataupun tidak. Dalam kajian ini, kumpulan kawalan penting bagi membolehkan pengkaji menentukan sama ada penggunaan video YouTube itu memberi kesan ataupun tidak. Untuk mengukur tahap minat pelajar pula, pengkaji hanya akan mengedarkan borang soal selidik kepada kumpulan rawatan yang telah mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah pengajaran berbantuan video YouTube.

Pengkaji telah mengenal pasti bilangan populasi kajian adalah seramai 237 orang pelajar Tingkatan 4. Pengkaji menggunakan persampelan tidak rawak (*non - probability*) jenis persampelan purposif (*purposive sampling*) untuk mendapatkan sampel kajian. Dua buah kelas Tingkatan Empat berprestasi sederhana akan dijadikan sebagai sampel kajian. Kedua – dua buah kelas tersebut akan dikategorikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki dalam menjawab dua persoalan kajian. Dalam hal ini, pengkaji telah mengenal pasti bilangan sampel kajian adalah seramai 64 orang pelajar iaitu 32 orang pelajar dari setiap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Ujian pencapaian digunakan bagi menentukan tahap penguasaan atau kefahaman pelajar dalam sesuatu topik pembelajaran Sejarah (Mohd. Majid Konting, 2005). Ujian pencapaian akan digunakan oleh pengkaji bagi menentukan sama ada penggunaan video YouTube sebagai BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam pembelajaran Sejarah ataupun tidak dengan membuat perbandingan peratusan markah keseluruhan dan min skor ujian pencapaian antara kumpulan kawalan dan kumpulan. Skala pengukuran yang digunakan adalah skala sela kerana skor yang diperolehi adalah dalam bentuk peratusan.

Kedua – dua set ujian pencapaian ini mengandungi sebanyak 20 item soalan objektif dengan tahap kesukaran yang hampir sama. Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan aras Taksonomi Bloom telah digunakan oleh pengkaji sebagai panduan dalam membina set soalan ujian tersebut. Item – item praujian dan pascaujian ini telah diambil dan diubahsuai daripada buku rujukan Sejarah Tingkatan 4 iaitu "naxus Bestari SPM Sejarah" dan "Pendekatan Diagramatik Sejarah SPM," serta buku praktis topikal Sejarah Tingkatan 4 seperti "Visual Pelangi KBSM", "Revisi 360° Sejarah" dan "My Apps Sejarah". Item – item set praujian dan pascaujian ini telah disemak dan mendapat pengesahan daripada pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Borang soal selidik akan digunakan oleh pengkaji untuk mengukur tahap minat kumpulan rawatan terhadap penggunaan video YouTube sebagai BBM dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Dalam kajian ini, set soalan soal selidik telah diambil dan diubahsuai dari sebuah kajian penyelidikan yang telah dilakukan oleh Khairuddin Nisa dan Abd. Latif Haji Gapor (2012). Nilai kebolehpercayaan bagi item soal selidik ini adalah sebanyak 0.72 dengan menggunakan Cronbach's coefficient alpha.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) Versi 19.0 untuk menganalisis dapatan kajian. Jadual 2 di bawah menunjukkan jenis analisis data yang akan digunakan untuk menganalisis dapatan kajian.

Jadual 2 : Analisis Kajian

Bil.	Persoalan Kajian	Analisis Data
1.	Adakah penggunaan video YouTube dapat menarik minat pelajar dalam proses P & P bagi mata pelajaran Sejarah?	Ujian statistik deskriptif
2.	Adakah penggunaan video YouTube dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam pembelajaran Sejarah?	Ujian - t

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Adakah Penggunaan Video YouTube Dapat Membantu Meningkatkan Kefahaman Pelajar Dalam Pembelajaran Sejarah?

Kumpulan kawalan telah diajar menggunakan kaedah tradisional 'chalk and talk' manakala kumpulan rawatan telah diajar menggunakan kaedah pengajaran berbantuan video YouTube dalam subtopik pengajaran "Hijrah." Jadual 3 menunjukkan dapatan untuk Kumpulan Kawalan.

Jadual 3 : Keputusan Ujian Pencapaian Kumpulan Kawalan

Bil.	Responden	Markah (%)		Perbezaan
		Praujian	Pascaujian	
1.	K 1	55	70	+15
2.	K 2	55	50	-5
3.	K 3	50	50	0
4.	K 4	60	60	0
5.	K 5	20	30	+10
6.	K 6	65	50	-15
7.	K 7	60	75	+15
8.	K 8	45	45	0
9.	K 9	65	35	-30
10.	K 10	35	50	+15
11.	K 11	50	60	+10
12.	K 12	65	50	-15
13.	K 13	55	65	+10
14.	K 14	25	35	+10
15.	K 15	60	60	0
16.	K 16	55	65	+10
17.	K 17	70	50	-20
18.	K 18	45	35	-10
19.	K 19	45	55	+10
20.	K 20	45	45	0
21.	K 21	40	65	+25
22.	K 22	55	65	+10
23.	K 23	50	65	+15

24.	K 24	40	40	0
25.	K 25	50	70	+20
26.	K 26	75	50	-25
27.	K 27	75	65	-10
28.	K 28	40	50	+10
29.	K 29	50	40	-10
30.	K 30	50	55	+5
31.	K 31	35	55	+20
32.	K 32	45	65	+20

Hasil dapatan kajian telah menunjukkan berlaku pada secara keseluruhannya terdapat peningkatan peratusan markah dalam kumpulan kawalan. Untuk mendapatkan perbezaan min skor antara praujian dan pascaujian, pengkaji telah melakukan analisis ujian – t ke atas keputusan ujian pencapaian responden. Hasil analisis data kajian ditunjukkan pada Jadual 4.

Jadual 4 : Keputusan Analisis Ujian – t (Kumpulan Kawalan)

Paired Samples Statistics

	Mean	N	Std.Deviation	Std. Error Mean
Pair 1 praujiankawalan	50.94	32	12.854	2.272
pascaujiankawalan	53.75	32	11.709	2.070

Paired Samples Test

	Paired Differences					t	df	Sig.(2-tailed)
	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference				
				Lower	Upper			
Pair 1 praujiankawalan - pascaujiankawalan	-2.813	13.909	2.459	-7.827	-2.202	-1.144	31	0.261

Jadual 4 di atas menunjukkan keputusan analisis ujian – t praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan. Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, min skor bagi praujian adalah sebanyak 50.94 (SP=12.85). Manakala, min skor bagi pascaujian adalah sebanyak 53.75 (SP=11.71). Beza min skor antara praujian dan pascaujian adalah sebanyak 2.81 (SP=13.91). Analisis ujian – t menunjukkan bahawa perbezaan min skor ini adalah tidak signifikan ($t=-1.14$, $p>0.05$).

Secara keseluruhannya, hasil analisis ujian - t bagi kumpulan kawalan telah menunjukkan peningkatan dalam peratusan markah keseluruhan sebanyak 90% dan min skor sebanyak 2.81 (SP=13.91) dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah tradisional 'chalk and talk.'

Keputusan ujian pencapaian bagi kumpulan rawatan yang telah mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran berbantuan video YouTube (pascaujian) boleh dilihat dengan jelas pada Jadual 5.

Jadual 5 : Keputusan Ujian Pencapaian Kumpulan Kawatan

Bil.	Responden	Markah (%)		Perbezaan
		Praujian	Pascaujian	
1.	R 1	60	50	-10
2.	R 2	40	65	+25
3.	R 3	50	55	+5
4.	R 4	50	65	+15
5.	R 5	85	75	-10
6.	R 6	15	30	+15
7.	R 7	40	35	-5
8.	R 8	45	65	+20
9.	R 9	55	55	0
10.	R 10	40	45	+5
11.	R 11	50	50	0
12.	R 12	40	40	0
13.	R 13	45	45	0
14.	R 14	25	40	+15
15.	R 15	40	40	0
16.	R 16	55	60	+5
17.	R 17	20	35	+15
18.	R 18	40	50	+10
19.	R 19	40	65	+25
20.	R 20	25	50	+25
21.	R 21	70	80	+10
22.	R 22	70	70	0
23.	R 23	50	65	+15
24.	R 24	45	60	+15
25.	R 25	50	60	+10
26.	R 26	55	50	-5
27.	R 27	40	55	+15
28.	R 28	40	65	+25
29.	R 29	35	35	0
30.	R 30	35	40	+5
31.	R 31	35	55	+20
32.	R 32	35	45	+10

Jadual 6 di bawah pula menunjukkan analisis ujian – t untuk kumpulan rawatan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan signifikan skor min pencapaian.

Jadual 6 : Keputusan Analisis Ujian – t (Kumpulan Rawatan)

Paired Samples Statistics				
	Mean	N	Std.Deviation	Std. Error Mean
Pair 1 praujianrawatan	44.38	32	14.410	2.547
Pascaujianrawatan	52.97	32	12.627	2.232

Paired Samples Test								
	Paired Differences					t	df	Sig.(2-tailed)
	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference				
				Lower	Upper			
Pair 1 praujianrawatan - pascaujianrawatan	-8.594	10.258	1.813	-12.292	-4.896	-4.739	31	0.000

Jadual 6 menunjukkan keputusan analisis ujian – t praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan. Berdasarkan Jadual 7 di atas, markah praujian telah menunjukkan min skor sebanyak 44.38 (SP=14.41). Manakala, markah pascaujian telah menunjukkan min skor sebanyak 52.97 (SP=12.63). Beza min skor antara praujian dan pascaujian adalah sebanyak 8.59 (SP=10.26). Perbezaan min skor ini adalah signifikan ($t=-4.74$, $p<0.05$).

Secara keseluruhannya, hasil analisis ujian – t terhadap keputusan ujian pencapaian kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan dalam peratusan markah keseluruhan sebanyak 275% dan min skor sebanyak 8.54 (SP=10.26) setelah mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah pengajaran berbantuan video YouTube.

Dapatan kajian ini turut disokong dalam kajian yang telah dilakukan oleh Noraziela dan Nor Azira (2010) yang mana peratus lulus soalan 2 bagi pelajar yang terlibat dalam kaedah pengajaran berbantuan video adalah sebanyak 85.9%. Manakala, peratus bagi pelajar yang tidak terdedah kepada kaedah pengajaran berbantuan video hanya sebanyak 50% sahaja. Jelasnya, penggunaan video ini sangat bermanfaat kepada pelajar kerana mampu membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam sesuatu topik pengajaran di samping dapat mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa pengaplikasian video YouTube sebagai BBM dalam mata pelajaran Sejarah dapat meningkatkan tahap minat dan tahap kefahaman pelajar dalam sesuatu proses pembelajaran Sejarah.

Adakah Penggunaan Video YouTube Dapat Menarik Minat Pelajar Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Mata Pelajaran Sejarah?

Jadual 7 : Dapatan Minat Responden

Bil.	Item	STS n (%)	TS n (%)	TP n (%)	S n (%)	SS n (%)	Min	Sisihan Piawai
1.	Saya suka menghadiri kelas yang diajar dengan berbantuan video YouTube kerana ianya menarik.	0	2 (6.3)	4 (12.5)	15 (46.9)	11 (34.4)	4.09	0.86
2.	Saya lebih suka mempelajari topik pengajaran Sejarah dengan berbantuan video YouTube berbanding menggunakan buku teks sahaja.	0	2 (6.3)	6 (18.8)	19 (59.4)	5 (15.6)	3.84	0.77
3.	Saya akan mencadangkan kepada rakan agar menggunakan video YouTube dalam mempelajari suatu topik Sejarah.	0	5 (15.6)	8 (25.0)	16 (50.0)	3 (9.4)	3.53	0.88
4.	Penggunaan video YouTube dalam pengajaran Sejarah akan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah lebih menarik berbanding penggunaan buku teks sahaja.	0	2 (6.3)	5 (15.6)	15 (46.9)	10 (31.3)	4.03	0.86
5.	Saya lebih suka mempelajari Sejarah dengan berbantuan video YouTube dengan	0	2 (6.3)	6 (18.8)	19 (59.4)	5 (15.6)	3.84	0.77

Berdasarkan dapatan dalam Jadual 7 di atas, didapati bahawa min skor bagi item 1 ialah 4.09 (SP=0.86). Seramai 11 orang responden (34.4%) sangat setuju dengan pernyataan pada item 1 dan 15 orang responden (46.9%) lagi setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala, seramai 4 orang responden (12.5%) tidak pasti dengan pernyataan dalam item 1 dan 2 orang responden (6.3%) tidak setuju dengan item ini. Hal ini menunjukkan lebih daripada separuh responden yang suka menghadiri kelas yang diajar dengan berbantuan video YouTube kerana ianya menarik.

Min skor bagi item 2 ialah 3.84 (SP=0.77). Seramai 5 orang responden (15.6%) sangat setuju dengan pernyataan pada item 2 dan 19 orang responden (59.4%) lagi sangat setuju dengan item tersebut. Manakala, seramai 6 orang responden (18.8%) tidak pasti dengan pernyataan dalam item tersebut dan 2 orang responden (6.3%) tidak bersetuju dengan item ini. Ini bermakna lebih daripada separuh responden lebih suka mempelajari topik pengajaran Sejarah dengan berbantuan video YouTube berbanding menggunakan buku teks sahaja.

Seterusnya, item 3 menunjukkan min skor sebanyak 3.53 (SP=0.88). Seramai 3 orang responden (9.4%) sangat setuju dengan pernyataan pada item 3 dan 16 orang responden (50.0%) lagi sangat setuju dengan item ini. Manakala, seramai 8 orang responden (25.0%) tidak pasti dengan pernyataan dalam item 3 dan 5 orang responden (15.6%) lagi tidak setuju dengan item tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa seramai 19 responden (59.4%) akan mencadangkan kepada rakan – rakan lain agar menggunakan video YouTube dalam mempelajari suatu topik Sejarah.

Item 4 pula menunjukkan min skor sebanyak 4.03 (SP=0.86). Seramai 10 orang responden (31.3%) sangat setuju dengan pernyataan dalam item 4. Manakala, 15 orang responden (46.9%) lagi setuju dengan pernyataan item tersebut. Seramai 5 orang responden (15.6%) tidak pasti dengan pernyataan pada item 4 dan 2 orang responden (6.3%) lagi tidak setuju item ini. Oleh itu, analisis data deskriptif menunjukkan lebih daripada separuh responden bersetuju bahawa penggunaan video YouTube dalam pengajaran Sejarah akan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah lebih menarik berbanding menggunakan buku teks sahaja.

Bagi item 5 pula, min skor ialah 3.84 (SP=0.77). Analisis data deskriptif menunjukkan seramai 5 orang responden (15.6%) sangat setuju dengan pernyataan item 5. Manakala, seramai 19 orang responden (59.4%) lagi setuju dengan pernyataan item tersebut. Seramai 6 orang responden (18.8%) pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut dan 2 orang responden (6.3%) lagi tidak setuju dengan pernyataan item ini. Ini bermakna lebih daripada separuh responden lebih suka mempelajari Sejarah dengan berbantuan video YouTube dengan guru bertindak sebagai pemudah cara.

Seterusnya, min skor bagi item 6 ialah 2.09 (SP=0.99). Seramai 10 orang responden (31.3%) sangat tidak setuju dengan pernyataan pada item 6 dan 13 orang responden (40.6%) lagi tidak setuju dengan pernyataan item ini. Manakala, seramai 5 orang responden (15.6%) tidak pasti dengan pernyataan dalam item 6 dan 4 orang responden (12.5%) lagi setuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini menunjukkan lebih daripada separuh responden yang tidak suka mempelajari Sejarah dengan menggunakan buku teks sahaja berbanding menggunakan video YouTube.

Akhir sekali, item 7 telah menunjukkan min skor sebanyak 3.75 (SP=0.88). Seramai 6 orang responden (18.8%) sangat setuju dengan pernyataan pada item 7 dan 15 orang responden (46.9%) lagi setuju dengan pernyataan item ini. Manakala, seramai 8 orang responden (25.0%) tidak pasti dengan pernyataan item tersebut dan 3 orang responden (9.4%) lagi tidak setuju dengan pernyataan item ini. Ini menunjukkan lebih daripada separuh responden bersetuju bahawa pelajar sepatutnya mempelajari Sejarah dengan menggunakan video YouTube bersama dengan buku teks.

Berdasarkan hasil dapatan kajian tersebut, dapat ketahu bahawa item 1 menunjukkan min skor yang paling tinggi (Min=4.09, SD=0.86) manakala item 6

menunjukkan min skor yang paling rendah (Min=2.09, SD=0.99) iaitu pelajar-pelajar atau responden suka menghadiri kelas sejarah yang diajar dengan berbantuan video YouTube kerana ianya menarik berbanding dengan kelas sejarah yang menggunakan buku teks sahaja.

Jadual 8 : Analisis Minat Responden

Bil.	Item	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
1.	Item1	32	2	5	4.09	0.86
2.	Item2	32	2	5	3.84	0.77
3.	Item3	32	2	5	3.53	0.88
4.	Item4	32	2	5	4.03	0.86
5.	Item5	32	2	5	3.84	0.77
Jumlah			2.57	4.43	3.87	0.83

Jadual 8 di atas menunjukkan analisis minat responden terhadap pengajaran dan pembelajaran Sejarah menggunakan video YouTube dalam subtopik pengajaran "Hijrah." Berdasarkan jadual tersebut, dapat diketahui bahawa min skor keseluruhan item adalah sebanyak 3.87 (SP=0.542). Hal ini menunjukkan bahawa tahap minat responden terhadap penggunaan video YouTube dalam pengajaran Sejarah adalah tinggi. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa penggunaan video YouTube berjaya menarik minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Sejarah.

Jelasnya, penggunaan video YouTube sebagai BBM dalam pengajaran Sejarah telah berjaya menarik minat responden untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah. Majoriti responden bersetuju dengan penggunaan video YouTube dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini disokong oleh kajian yang telah dilakukan Noraziela dan Nor Azira (2010) dalam menguji keberkesanan penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran bertajuk "Proses Rawatan Air." Hasil kajian tersebut telah menunjukkan bahawa sebanyak 60.5% responden bersetuju bahawa penggunaan video ini dapat menambah minat dan motivasi mereka untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Disamping itu, sebanyak 57% lagi menyatakan bahawa bahan multimedia ini sesuai digunakan sebagai BBM yang berkesan pada masa akan datang.

Hal ini demikian, video YouTube yang terdiri daripada pelbagai elemen seperti audio, teks dan animasi berupaya mengekalkan daya tumpuan pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mudah berasa bosan dengan adanya penggunaan video YouTube dalam pengajaran Sejarah. Melalui pengaplikasian video YouTube, masalah pengajaran Sejarah seperti pelajar cepat berasa bosan dan kebergantungan buku teks dapat diatasi dengan mudah dengan mengintegrasikan kemahiran pengajaran sedia ada dengan perkembangan ICT.

Rumusan

Kesimpulannya, hasil kajian yang telah dilaksanakan dalam menguji keberkesanan pengaplikasian video Youtube sebagai BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Sejarah telah menunjukkan pengaplikasian ini berjaya menarik minat. Selain itu, pembelajaran secara visual ini telah meningkatkan

kefahaman dan daya ingatan pelajar kerana kaedah pengajaran ini dapat menyampaikan isi pengajaran secara telus dengan guru bertindak sebagai pemudah cara dan pembimbing. Hal ini kerana pelajar menggunakan deria pendengaran dan penglihatan supaya mereka lebih fokus ketika menonton video dalam proses penyampaian maklumat dalam mata pelajaran Sejarah. Akhir sekali, teknik dan kaedah pengajaran juga tidak seharusnya diterhadkan kepada kaedah tradisional sahaja. Perkembangan ICT dalam dunia pendidikan perlu diaplikasikan sepenuhnya mengikut kesesuaian isi kandungan dalam sesuatu mata pelajaran bagi menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Ini sesuai dan seiring dengan kemajuan teknologi yang semakin meningkat serta hasilnya dapat melahirkan lebih ramai pelajar yang cemerlang.

Rujukan

- Burgess, J. & Green, J. 2009. *YouTube Digital Media and Society Series*. Polity Press.
- Clark, R. C. & Mayer, R. E. 2002. *E – Learning and the Science of Instruction: Proven Guidelines for Consumers and Designers of Multimedia Learning*. San Francisco: Jossey – Bass Pfeiffer.
- Clifton, A. & Mann, C. 2010. *Can YouTube enhance student nurse learning? Journal Nurse Education Today* **31** (2011): 311- 313.
- David Reiss. 2007. *Video – based Multimedia Design: A Research Study Testing Learning Effectiveness*. Canadian Journal of Learning and Technology. Fall.
- Duff, P. 2008. Engaging the YouTube Google – Eyed Generation: Strategies for Using Web 2.0 in Teaching and Learning. *The Electronic Journal of e – Learning* **6** (2): 119 – 130.
- Khairuddin Nisa & Abd. Latif Haji Gafor. 2012. Keberkesanan GeoTV Terhadap Pencapaian dan Minat Pelajar Dalam Topik Pengaruh Cuaca dan Iklim Terhadap Kegiatan Manusia. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia Bilangan 2, Nombor 2*.
- Komal D. Koya, Kyle R. et. al., 2012. YouTube and the expanding role of videos in Dermatologic Surgery Education. *Seminars in cutaneous medicine and surgery* **31**: 163 – 167.
- Lewin, J. (17 Mei 2010). YouTube Now Handling 2 Billion Views Per Day. (Atas talian) <http://www.podcastingnews.com/content/2010/05/youtube-now-handling-2-billion-views-per-day/> diakses pada 22/11/2012.
- Mohamed Amin Embi. 2011. *Aplikasi Web 2.0 Dalam Pengajaran & Pembelajaran*. Pusat Pembangunan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia. (Atas talian) <http://ml.scribd.com/doc/65576530/Aplikasi-Web-2-0-Dalam-Pengajaran-Dan-Pembelajaran> diakses pada 22/11/2012.
- Mohamed Hakke dan Emi Satira Azrin. 2004. *Pembangunan persembahan elektronik berasaskan klip video dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran*. Masters thesis. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Mohamad Johdi Bin Salleh dan Ariegusrini Bte Agus. 2009. *Transformasi Pengajaran Sejarah Berasaskan Multimedia*. (dalam). Abdul Razaq dan Isjoni. 2009. *Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah*. Penerbitan Bersama: Falkulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan FKIP, Universitas Riau, Pekan Baru Indonesia. Hlm.113 – 126.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraziela bt Mokhtar dan Nor Azira bt Abdul Rahman. 2010. *Kajian Keberkesanan Penggunaan Video P & P Bertajuk Proses Rawatan Air bagi Pelajar Semester*

Sesi Disember 2010 di Politeknik Port Dickson. Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson.

Shahabuddin Hashim & Dr. Rohizani Yaakub. 2003. Psikologi Pembelajaran & Personaliti. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Yuen, M. C. 2009. *Streaming Video in Web – based Instruction for Learning Multimedia – based Computer Skills*. International Conference on E – learning 2009 (iCeLO9) 1 – 2 December 2009. UITM Shah Alam Malaysia.